

10 MAY 1999

DAP-Kit Siang

DAP ADAKAN MAJLIS KHAS UNTUK KIT SIANG

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Parti Demokratik Malaysia (DAP) malam ini mengadakan majlis penghargaan khas untuk setiausaha agungnya yang juga ketua pembangkang di Parlimen, Lim Kit Siang, sempena 30 tahun perkhidmatannya sebagai Anggota Parlimen.

Kira-kira 500 termasuk para pemimpin parti pembangkang lain menghadiri majlis itu.

Pelapor khas mengenai hak asasi manusia di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan bekas pengerusi Majlis Peguam Malaysia, Datuk Param Cumaraswamy, menyampaikan ucap tama pada majlis itu.

Tetamu lain yang turut berucap ialah timbalan presiden Parti KeADILan Nasional (KeADILan) Dr Chandra Muzaffar, Setiausaha Agung Parti Rakyat Malaysia Dr Sanusi Osman, Presiden Parti Sosialis Malaysia Dr Mohd Nasir dan wakil PAS Subky Latif.

Fan Yew Teng dan Peter Paul Dason yang dipilih sebagai anggota Parlimen bersama-sama dengan Kit Siang pada pilihan raya umum 1969, berucap bagi pihak anggota veteran untuk mengimbas kembali kenangan silam parti itu.

Kit Siang dipilih buat pertama kalinya sebagai Anggota Parlimen Kota Melaka pada 1969, bertanding dan memenangi kerusi Parlimen Petaling Jaya pada 1978 selepas dua penggal berkhidmat bagi Kota Melaka.

Kemudian, beliau bertanding dan memenangi sekali lagi kerusi Kota Melaka pada pilihan raya umum 1982 sebelum memenangi pula kerusi Parlimen Tanjong pada 1986. Beliau kini dalam penggal ketiganya berkhidmat bagi kawasan Parlimen Tanjong.

Sepanjang tempoh 30 tahun berkhidmat sebagai Anggota Parlimen, Kit Siang telah ditahan dua kali di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Kali pertama ialah pada Mei 1969 hingga Oktober 1970 dan yang kedua mulai Oktober 1987 hingga April 1989.

Beliau juga pernah didakwa dan didapati bersalah mengikut Akta Rahsia Rasmi pada 1979.

Kit Siang, seorang daripada anggota parlimen yang paling lama di Dewan Rakyat, menyandang jawatan ketua pembangkang buat pertama kalinya pada 1973. Dua tahun kemudian, beliau berpeluang menyandang jawatan itu semula sehingga kini.

Dalam ucapannya, Kit Siang berkata DAP berjanji akan bekerjasama dengan parti-parti pembangkang lain termasuk PAS untuk menumbangkan kerajaan Barisan Nasional pada pilihan raya umum akan datang.

Terdahulu, Subky dalam ucapannya berkata berita-berita yang menyatakan PAS tidak boleh bekerjasama dengan DAP tidak mampu menghalang usaha mereka untuk menjalin hubungan bagi menjatuhkan kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya walaupun kedua-dua parti pembangkang itu mempunyai perbezaan agenda politik, mereka yakin ia dapat diatasi kerana setiap pihak mengambil fikiran terbuka dalam menangani isu itu.

-- BERNAMA

NHD NAK